

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS IFTAR BERSAMA  
TYT TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB  
CANSOLOR UTeM**

**14 Jun 2017 bersamaan 19 Ramadhan 1438H, 6.45 petang  
Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, **Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob**,  
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Utama Zurina binti Kassim.

1. Sempena petang yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan setinggi –tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, hadir ke majlis iftar di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Canselor terhadap seluruh warga Universiti ini.
2. Kami seluruh warga Universiti senantiasa, mendoakan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Toh Puan sekeluarga dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat

tubuh badan dan dimudahkan rezeki untuk terus memimpin Universiti juga Negeri Melaka ke arah kegemilangan.

3. Tuan Yang Terutama Tun, saya mohon izin untuk menyampaikan ucapan kepada dif-dif kehormat, para jemputan serta hadirin yang saya hormati.

## **A) SALUTASI**

1. **Y.Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh**  
Pro Canselor UTeM

2. **Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md Yunos bin Husin**  
EXCO Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi,  
Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka, dan isteri
3. **Yang Berhormat Datuk Seri Haji Naim bin Abu Bakar**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan isteri
4. **Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
5. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan isteri

6. Dif-Dif Kehormat, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib Canselor
7. Ketua-Ketua Biro Media dan Rakan Media Negeri Melaka
8. Pegawai-pegawai Kanan Universiti
9. Wakil-wakil Jabatan dan Kesatuan
10. Majlis Perwakilan Pelajar
11. Warga UTeM seterusnya para penerima sumbangan yang diraikan di Majlis Iftar pada hari yang barakah ini.

## **B) PEMBUKA KATA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan iradat dari Nya, kita dipanjangkan umur dapat bersama-sama pada hari yang penuh bermakna ini untuk berbuka puasa bersama-sama Tuan Yang Terutama Tun Canselor.

**Riang bermain si anak rusa,  
Terpijak duri melompat tinggi,  
Bersyukur kita pada Yang Kuasa,  
Ditemukan Ramadhan sekali lagi.**

2. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada semua Dif-dif kehormat dan tetamu jemputan yang hadir bersama, dan hari ini merupakan hari ke-19 kita berpuasa, semoga ibadah kita semua diberkati oleh Allah S.W.T. Amin.
3. Sesungguhnya, majlis yang saban tahun ini direncanakan khusus untuk meraikan sambutan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia di samping mengeratkan perhubungan silaturahim antara sesama kita sebagai umat Islam, selain memberi peluang kepada warga universiti untuk berhimpun, berbuka bersama seterusnya beribadah secara berjemaah di dalam masjid yang serba suci dan indah ini.



T.Y.T Tun, Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

4. Bulan Ramadhan adalah jalan menuju taqwa. Selari dengan matlamat ini, marilah kita sama-sama menyempurnakan keimanan dan meningkatkan ketaqwaan dengan melakukan nilai tambah yang antara lainnya seperti memperbanyakkan sedekah kepada fakir miskin dan mengasihani anak yatim, mengadakan majlis berbuka puasa kepada orang mukmin dan mengambil makanan yang berkhasiat dan halal serta tidak membazir.
  
5. Alhamdulillah, seperti tahun-tahun yang lepas, UTeM tidak pernah alpa menyambut kehadiran Ramadhan Al-Mubarak dengan pelbagai pengisian bagi menghidupkan bulan yang

mulia ini. Pelbagai aktiviti mengimarah masjid yang diterajui oleh Pusat Islam bersama Fakulti, Pusat dan Pejabat Pentadbiran telah dan sedang dijalankan, antaranya program penggiliran memasak bubur lambuk, Tazkirah 30 minit bersama Ustaz, tazkirah di masjid selepas solat Zohor, Majlis Iftar Jama'i peringkat Pusat Tanggungjawab, bertadurus, dan pelbagai pengisian bermanfaat bagi mendapat keberkatan bulan Ramadhan yang mulia ini.

T.Y.T. Tun, hadirin hadirat sekalian,

6. Hakikat Ramadhan sebagai hadiah daripada Maha Pencipta yang menjanjikan kebaikan dan harapan daripada Allah SWT, kepada hamba yang menagih rahmatNya saban tahun. Dalam meningkatkan usaha menggandakan nilai taqwa kepadaNYA,

umat Islam diseru untuk tidak lupa menyemai semangat berkorban di jalan Allah, selain menjaga kebajikan dan kepentingan ummah.

7. Justeru itu, bagi mengambil keberkatan bulan mulia ini, maka program pada petang ini juga turut diisikan dengan penyampaian sumbangan kepada **60 orang** penerima yang terdiri daripada pelajar UTeM serta kalangan anak-anak staf UTeM yang telah yatim, mualaf dan yang kurang berkemampuan. Semoga menerusi sumbangan yang diberikan ini dapat menjadikan Ramadhan ini lebih bermakna seterusnya dapat menyambut Syawal dengan lebih ceria.

8. Bagi pihak Pengurusan Universiti, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah sudi membantu dan menghulurkan sumbangan terutamanya kepada **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWp), Tabung Amal Jariah UTeM, Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUteM)** dan pihak-pihak lain yang amat bermurah hati menghulurkan sumbangan ini.
  
9. Selain itu, suka saya kongsi di sini bahawa majlis pada petang ini juga turut diserikan dengan Penyerahan Sumbangan Zakat dari Bank Islam Malaysia Berhad sebanyak **RM 30,000.00** kepada UTeM bagi membantu dan menyokong perkembangan akademik para pelajar yang kurang berkemampuan di universiti ini. Bagi pihak Universiti, saya

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Bank Islam Malaysia Berhad diatas sokongan berterusan yang diberikan kepada Universiti ini.

TYT Tun, hadirin hadirat sekalian,

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk menjadikannya yang terbaik mungkin. Diharap kita semua dapat meningkatkan lagi amalan pada malam-malam Ramadhan, khususnya di 10 malam terakhir Ramadhan, dan seterusnya marilah kita sama-sama memohon doa agar berkat berpuasa yang kita

lalui sepanjang Ramadan Al-Mubarak ini akan memantapkan lagi hubungan sesama kita. Insya-Allah.

11. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan waktu untuk sama-sama memeriahkan majlis pada petang ini, dan tahniah diucapkan kepada Pusat Islam juga ahli-ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus untuk merealisasikan Majlis Berbuka Puasa ini.

**Azan aulia sungguh terasa,  
Melangkah menyisip indah suasana.  
Ramadhan mulia meruntuh dosa  
Barakah menitip ibadah sempurna.**

Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

Sekian sahaja ucapan saya pada kali ini.

Semoga Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta keluarga mendapat keberkatan, keistimewaan dan kejayaan daripada Allah S.W.T. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan begitu besar ertinya buat kami semua.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.